

KERATAN AKHBAR SINAR HARIAN : 18 MEI 2017

42

KUALA LANGAT . SEPANG

KHAMIS 18 MEI 2017 • SINAR HARIAN

HUBUNGI SKUAD KUALA LANGAT/ SEPANG: NURUL FIRDAUS KHAIRI- 019-8680920/ 019-3371066

GPS Bestari terus aktif dekat sekolah

BANTING - Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Banting teruja walaupun tidak mendapat tempat utama dalam mana-mana pertandingan di bawah Program GPS Bestari, namun masih menerima tajaan buku daripada Kumpulan Media Karangkraf.

Guru Perpustakaan dan Media SMK Banting, Engku Nor Hamidah Engku Abdul Rahman berkata, beliau dan guru-guru sekolahnya terkejut apabila Kumpulan Media Karangkraf menyumbang enam kotak buku-buku bacaan untuk pusat sumber sekolah itu.



Engku Nor Hamidah (kanan) menerima sijil penghargaan daripada Nurul Firdaus Khairi sambil diperhatikan sebahagian guru dan pelajar SMK Banting, semalam.

Menurutnya, hadiah itu dianggap sebagai penghargaan untuk warga sekolah supaya terus aktif dalam pelbagai pertandingan dan berhasrat bakal masuk ke pelbagai pertandingan yang diilangkan oleh pihak GPS Bestari.

"Buat masa ini, kita telah menyusun sebahagian bahan bacaan berkenaan ke dalam rak bagi memberi peluang kepada pelajar untuk membaca," katanya yang turut menerima Sijil Penghargaan daripada wartawan skuad *Sinar Harian* Kuala Langat, Nurul Firdaus Khairi, semalam.

Keluhan mengenai najis burung merpati dapat perhatian

TELOK PANGLIMA GARANG - Keluhan penghuni Pangaspuri Taman Dato Hormati, Telok Panglima Garang sebelum ini mengenai masalah najis burung merpati mendapat perhatian Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) Dun Sijangkang.

Adun Sijangkang, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi berkata, beliau turut bimbang sekranya najis burung merpati boleh menyebabkan penyakit dan pelbagai kesan lain kepada penghuni pangaspuri berkenaan.

Katanya, beliau bersetuju menyumbang 15 peratus daripada kos pembinaan pengadang manakala Jawatankuasa Bertindak Penduduk (JMB) pula membayar 20 peratus dari kos keseluruhan.

"Daripada jumlah kos keseluruhan sebanyak RM16,000 di bawah skim Ceria Exco Perumahan Negeri Selangor itu, PKM Dun Sijangkang menyalurkan sumbangan sebanyak RM17,461.38 bagi membantu projek tersebut berjalan.

"Bila kita terima aduan, penduduk masih memerlukan sumbangan 15 peratus untuk projek itu. Kita bantu tetapi penduduk kena biaya 5 peratus daripada kos



Ahmad Yunus (tengah) menyerahkan replika cek bernilai RM17,461.38 untuk projek pembinaan pengadang burung merpati di Pangaspuri Taman Dato Hormati.

keseluruhan tersebut," katanya.

Ahmad Yunus berkata, beliau tidak mahu penduduk berdepan penyakit disebabkan masalah itu dan ia adalah tanggungjawab pemimpin dalam mendengar masalah rakyat.

Katanya, beliau yakin masalah penduduk boleh diselesaikan dengan syarat semua pihak mengintai masalah mereka.

"Saya masih menjalankan kerja seperti biasa walaupun pelbagai isu dikaitkan dengan saya terutama dalam jawatan dalam exco. Hal rakyat masih saya utamakan selagi saya masih bergelar wakil rakyat."

"Saya mestil turun padang bantu rakyat," katanya selepas menyerahkan replika cek kepada wakil penduduk, Mohd Nor Ahmad.

Rumah baharu untuk 45 keluarga

Projek pembinaan rumah melalui SPNB itu dijangka selesai tiga bulan lagi

BANTING - Penantian 45 keluarga memiliki rumah sendiri bakal berakhir apabila Penyerahan Inden Kerja Rumah Mesra Rakyat 1 Malaysia (RMR1M) Peringkat Kuala Langat diadakan di Pejabat Umno Bahagian Kuala Langat, semalam.

Seorang pemohon, Mohd Rosdi Mahmud, 45, dari Batu 10, Kebun Baharu berkata, dia gembira apabila penantian dua tahun untuk memiliki rumah sendiri melewati Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) bakal tercapai kira-kira tiga bulan lagi.

Menurutnya, dia yang bekerja sendiri dengan pendapatan kurang RM3,000 itu bersyukur kerajaan membantu rakyat dari segi dana untuk memberi keselesaan.

"Memanglah permohonan binas rumah ada macam-macam syarat, tapi kalau syarat yang ditetapkan itu dipenuhi Insya-ALLAH pemohon boleh menikmati rumah sendiri.

"Saya janjka kami bakal

- Melalui rekod SPNB sebanyak 354 permohonan diterima dengan 113 rumah sudah siap dibina.

sambut Hari Raya Aidiladha di rumah baru mermandang projek bina rumah dimaklumkan makan masa tiga bulan. Tapi itu pun ber�antung kepada komitmen kontraktor yang dilantik," katanya.

Sementara itu Sujana Tabuli, 52, dari Sijangkang berkata, rumah tersebut amat dinantikan segera siap memandangkan dia kini tinggal menyewa rumah dengan kadar sewa RM450 sebulan.

Katanya, dia terpaksa menampung keluarga dengan bermiaga makanan Yong Tau Fu di pasar malam.

"Memanglah makcik tinggal dengan anak, tapi keperluan rumah untuk makcik teruskan hidup tu perlu.



Norhaslinda (kanan) bersama Sulaiman bersama kontraktor dan sebahagian pemohon yang hadir pada Majlis Penyerahan Inden Kerja Rumah Mesra Rakyat 1 Malaysia (RMR1M) Peringkat Kuala Langat, semalam.

Kalau nak habiskan duit bayar sewa saja memang tak berbaloi, baik makcik bina rumah," katanya yang bersyukur dapat rumah melalui bantuan SPNB.

Sujana berkata, pada awalnya memang dia mahukan rumah siap sempena Aidilfitri nanti, namun memahami tugas kontraktor yang terpaksa menyiapkan beberapa buah rumah dalam tempoh yang ditetapkan.

Tambahnya, menerusi perjumpaan bersama SPNB semalam, penerangan jelas berhubung proses selanjutnya diperoleh secara terus setiap gus membantu pemohon mendapatkan maklumat.

Sementara itu, Penyelaras Pembangunan Persekutuan Parliment Kuala Langat, Datuk Sulaiman Mohd Karli berkata, penerangan mengenai pembinaan rumah perlu dilakukan bagi mengelakkannya dari

pada timbul fitnah.

Menurutnya, pemohon perlu dapatkan maklumat tepat mengenai sesuatu permohonan supaya tiada keliruan berlaku.

"Saya pernah menerima pelbagai aduan mengenai permohonan rumah se-dangkan pemohon berkenaan membuat permohonan di saluran yang berlainan tetapi memanjangkan permohonan mereka di saluran berbezana.

"Kita tak nafikan kerajaan persekutuan ada pelbagai saluran bantuan rumah, jadi pemohon perlu pilih dengan saluran mana yang dipilih," katanya.

Sulaiman berkata, melalui rekod SPNB sebanyak 354 permohonan diterima dengan 113 rumah sudah siap dibina.

Bagaimanapun, pihaknya kini sedang menumpukan proses pembinaan 45 unit rumah yang dijangka siap selewat-lewatnya dua hingga ke tiga bulan.

"Saya turut beri jaminan mana-mana kontraktor yang menjalankan tugas dengan baik dapat diberi peluang meruntuhkan projek dan menolak kontraktor yang tidak boleh menjalankan tugas dengan baik pada masa akan datang," katanya yang mengharapkan kerjasama pemohon dengan kontraktor diteruskan.

Hadir sama Ketua Mesyuarat SPNB Cawangan Selangor, Norhaslinda Mohamad Hanit.